

# UMS anjur Bengkel Resolusi dan Pendamaian Isu Wataniah di Asia Timur dan Asia Tenggara

UB 6.12.15 B3

## UNIVERSITI

Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Bengkel Antarabangsa mengenai Resolusi dan Pendamaian Isu Wataniah di Asia Timur dan Asia Tenggara yang berlangsung selama enam hari bermula Khamis lepas.

Bengkel berkenaan adalah projek bersama antara Pertubuhan Yayasan Korea Asia Utara, Southeast Asia Conflict Studies Network (SEACSN) dan Fakulti Kemanusiaan, Kesenian dan Warisan UMS.

Penyelaras SEACSN Prof Dr Kamaruzaman Askandar berkata, bengkel

itu bukan sahaja bertujuan mengkaji dan menganalisis isu-isu kedua-dua wilayah berkenaan, malah turut mencari jalan penyelesaian berkaitan isu berkenaan.

"Bengkel ini adalah perbincangan yang perlu dilaksanakan khususnya pada masa kini yang banyak timbul pelbagai isu antara negeri mahupun antara negara di seluruh dunia.

"UMS sentiasa terbuka dalam membincangkan mengenai kajian berkaitan keamanan dan penyelesaian konflik yang bukan sahaja berlaku di negeri ini, tetapi merangkumi Malaysia serta seluruh dunia," katanya ketika merasmikan Bengkel

Resolusi dan Pendamaian Isu Wataniah di Asia Timur dan Asia Tenggara, di Kota Kinabalu Khamis lepas.

Beliau juga berharap agar semua peserta dapat memanfaatkan sekaligus membina kepakaran serta pengalaman daripada pakar-pakar dalam kajian resolusi aman dan konflik.

Terdahulu, bengkel itu menyaksikan pakar-pakar dari negara Korea dan Malaysia berkongsi kes berkaitan isu-isu wilayah dan maritim serta mengkaji penyelesaian secara aman mengenai kedua-dua wilayah itu.

Selain itu, wakil dari negara Filipina, Thailand,

Brunei, Jepun, Indonesia, dan Kemboja juga akan membentangkan kertas kerja mengenai topik berkenaan.

Satu forum awam juga diadakan bagi membentangkan kes-kes perdamaian di Kemboja, proses damai di Myanmar, konflik dasar awam di Thailand, dan pertikaian wilayah di Asia Timur.

**KAMARUZAMAN (kanan) pada majlis perasmian Bengkel Antarabangsa iaitu mengenai Resolusi dan Pendamaian Isu Wataniah di Asia Timur dan Asia Tenggara yang berlangsung bermula 3 hingga 6 Disember ini.**

